

Pengawasan hutan guna teknologi satelit diperluas

BH-27/9/2006

Oleh Shamshul Azree Samshir

PUTRAJAYA: Kerajaan akan memperluaskan penggunaan teknologi mengumpul maklumat dan mengawal hutan menerusi satelit bagi menangani isu kemusnahan dan kebakaran hutan serta pembalakan haram di seluruh negara.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata teknologi baru yang dibangunkan Pusat Remote Sensing Negara (Macres), terbukti berkesan dalam mengawal hutan.

“Kita mengenal pasti kaedah baru dikenali teknologi hiper sektoral yang membekal maklumat asas inventori hutan dengan cepat dan tepat.

“Teknologi ini juga dapat mengesan pembalakan haram dan kebakaran hutan,” katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Perhutanan Negara (MPN) Ke-20 di sini, semalam.

Najib berkata, teknologi pengumpulan data menerusi satelit membolehkan pihak berkuasa mengumpul maklumat mengenai spesies, ukurlilit dan isi padu pokok di sebarang kawasan hutan.

Beliau berkata, projek perintis menggunakan teknologi remote sensing atau pengawalan menerusi satelit di Taman Negeri Gunung Stong, Kelantan, yang dilaksanakan sebelum ini terbukti berjaya.

Najib berkata, mesyuarat juga membincangkan aliran bekalan sumber kayu yang makin berkurangan dari hutan asli di Semenanjung dan langkah segera perlu diambil bagi mengatasi masalah itu.

Antara langkah yang dipersetujui ialah mengkaji dan menyusun semula dasar berkaitan industri berasaskan kayu.